

Rakyat muda S'pura lebih prihatin kesan sampingan & keselamatan vaksin COVID-19

Berita Mediacorp, 26 April 2021

SINGAPURA: Sedang Singapura mempertingkatkan program vaksinasi COVID-19, satu kajian mendapati rakyat Singapura yang lebih muda ternyata lebih prihatin tentang keselamatan dan kesan sampingan vaksin.

Ini disimpulkan para pengkaji Institut Kajian Dasar (IPS) berdasarkan data daripada satu siri tinjauan yang dijalankan pada tahun lalu.

Kesemuanya 22 tinjauan dijalankan melibatkan lebih 500 responden.

Sebagai permulaan, sokongan terhadap vaksinasi sudah meningkat dengan lebih 67 peratus mereka yang ditinjau, bersedia mengambil vaksin COVID-19, setakat Mac lalu.

Itu adalah peningkatan 60 peratus daripada bulan Februari.

Namun sekitar 50 peratus masih sangsi akan vaksin tersebut dengan golongan lebih muda prihatin tentang keselamatan vaksin, berbanding mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

Emosi generasi lebih muda juga didapati lebih mudah terjejas oleh pandemik sekarang ini.

Sebanyak 27 peratus responden berusia antara 21 hingga 29 tahun, sukar untuk tidur manakala masalah ini hanya dihadapi kurang 10 peratus mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas.

Sekurang-kurangnya 30 peratus responden dalam lingkungan usia 20-an tahun juga bimbang hilang tujuan dalam hidup.

Bagaimanapun sentimen negatif dalam pasaran buruh sudah berkurangan.

Pada Mei tahun lalu, kebanyakan responden merasakan pasaran buruh akan terus lemah buat enam bulan lagi.

Perangkaan kini merosot separuh kepada sekitar 40 peratus pada Mac tahun ini.

- CNA/AQ/nk